

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PENUTUP TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN

TEMPAT: KUANTAN, PAHANG

TARIKH: 02 MAR 1990

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Amat Berhormat Tan Sri Mohd. Khalil Yaakob,
Menteri Besar Pahang;
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan kudrat dan inayahNya, kita dapat berkumpul sekali lagi di Majlis Penutup Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan tahun 1990, bersamaan dengan 1410 Hijrah ini. Insya-Allah, kita akan mengadakan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa pada 20hb Mac ini. Ini adalah di antara usaha kita ke arah meningkatkan mutu bacaan dan pertalian umat Islam dengan Al-Quran.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Tema Tilawah Al-Quran tahun ini -- "Bersatu Teguh" -- harus diberi keutamaan dan perhatian oleh setiap lapisan masyarakat, supaya konsep dan falsafah bersatu difahami dan seterusnya menjadi amalan kehidupan harian kita.

3. Islam amat menitikberatkan soal bersatupadu dan unsur ini ditegaskan dalam berbagai aspek syariat Islam. Umpamanya, penekanan terhadap sembahyang berjemaah dan sembahyang sunat Hari Raya adalah contoh-contoh jelas yang menunjukkan betapa Islam menekankan pertalian dan perhubungan antara umat Islam. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah A-li 'Imraan, ayat 103 yang bermaksud: "Berpeganglah kamu pada tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah".

4. Sejarah Islam bermula dengan perpaduan. Kejayaan umat Islam di zaman Rasulullah s.a.w. adalah kerana umat Islam pada masa itu bersatupadu. Mereka bersatu di atas panji tauhid dan bersatu menentang kekufuran masyarakat Arab Quraish pada ketika itu. Di sebaliknya pula, sejarah telah mengajar kita bagaimana tentera Islam telah tewas di tangan tentera Quraish di dalam peperangan Uhud, akibat daripada sikap tentera Islam yang berpecah di antara satu sama lain, kerana ada segelintir tentera Islam yang tamak dan mengutamakan kepentingan peribadi hingga sanggup mengenyahkan arahan Rasulullah s.a.w. Selepas episod itu, umat Islam bersatu semula di bawah pimpinan Rasulullah dan kejayaan dicipta. Perpaduan juga terdapat semasa

pemerintahan keempat-empat Khalifah Al-Rashidin dan Islam telah berkembang di tanah Arab dan di luar rantau Arab -- di Utara Afrika, Eropah barat terutamanya Sepanyol, China dan di rantau Asia Tenggara.

5. Islam berkembang di Sepanyol apabila orang-orang Islam yang datang dari luar dan tempatan bersatupadu. Zaman pemerintahan Abdul Rahman Ketiga bukan sahaja menyaksikan kota-kota seperti Cordova atau Qurthubah menjadi terkenal, tetapi juga memperlihatkan perpaduan yang kuat. Walau bagaimanapun pemerintahan Islam di Sepanyol akhirnya hancur apabila orang-orang Islam berpecah-belah, mula mengutamakan sentimen keturunan yang berasal dari luar Sepanyol dan tempatan dan sebagainya. Perpecahan telah membawa kehancuran. Satu demi satu daripada daerah-daerah Islam di Sepanyol ditewas dan ditakluk semula oleh orang Sepanyol.

6. Ramai tokoh-tokoh Islam pula telah dapat mendalami bidang ilmu masing-masing di zaman kecemerlangan Islam, baik di Baghdad, Mesir, Sepanyol dan di negara-negara Arab yang lain. Marilah kita mengkaji riwayat hidup Abdullah Ibn Sina, Muhammad Musa Al Khawarizmi, Ibn Khaldun, Ibn Batuta dan lain-lain. Mereka dihormati bukan sahaja oleh orang-orang Islam tetapi juga oleh yang bukan Islam, dan oleh kerana mereka menganuti Islam, Islam juga dihormati oleh orang-orang bukan Islam. Ini merupakan satu bentuk dakwah yang paling berkesan. Tidak ada sesiapa yang akan tertarik dengan agama suku-suku kaum yang kolot yang tidak pernah berjaya. Perkembangan Islam yang meluas berlaku di zaman kejayaan orang-orang Islam dalam berbagai-bagai bidang. Apabila orang-orang Islam tidak lagi maju, maka perkembangan Islam pun terhenti. Di beberapa negara tertentu agama Islam telah merosot sehingga ada orang-orang Islam yang meninggalkan agama Islam dan menerima ideologi-ideologi yang bertentangan dengan Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kerajaan telah menyusun berbagai-bagai program untuk memantapkan lagi perpaduan antara umat Islam. Antaranya ialah melalui program-program takmir masjid dan penyusunan semua pentadbiran masjid di seluruh negara dan sebagainya. Masjid akan diperkemaskan lagi pentadbirannya dan akan digerakkan supaya dapat memainkan peranannya ke arah ini. Masjid akan dijadikan tempat untuk menjalinkan kasih sayang, hormat-menghormati, tolong-menolong di kalangan orang-orang Islam dan bukan tempat pertelingkahan dan bertikam-lidah di antara satu dengan lain.

8. Begitu juga kerajaan akan terus berusaha untuk menyatupadukan kaum di negara ini supaya wujud satu masyarakat yang bersatupadu dan harmoni. Hasrat kerajaan ke arah menyatupadukan kaum ini jelas seperti yang digariskan dalam matlamat Dasar Perpaduan Negara. Satu kemenangan yang kita capai semenjak akhir-akhir ini yang boleh kita banggakan ialah perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya. Persetujuan mereka meletakkan senjata adalah disebabkan oleh patahnya keyakinan mereka untuk menguasai

rakyat Malaysia melalui ideologi mereka, terutama di kalangan umat Islam. Inilah natijah daripada perpaduan. Kita rakyat Malaysia telah bersepakat menolak secara total ideologi dan tatacara hidup mereka. Perpaduan yang beginilah yang membawa kepada keteguhan agama, bangsa dan negara kita.

9. Sekarang ini perkembangan dakwah kita amat membanggakan dan kita bersyukur kerana umat Islam berminat untuk menghayati Islam. Badan-badan dakwah telah berusaha mengembangkan syiar Islam di seluruh pelosok negara. Tetapi di celah-celah perkembangan dakwah ini, ada pula sekumpulan pendakwah yang suka menimbulkan perkara-perkara furu' atau perkara cabang yang telah selesai diputuskan oleh ulama silam, sama ada daripada aspek hukum atau i'tiqad iaitu kepercayaan. Penonjolan isu-isu ini sebenarnya tidak langsung mendatangkan apa-apa manfaat bahkan boleh membawa kepada kekeliruan dan perbalahan dan seterusnya perpecahan. Oleh itu, umat Islam jangan lagi leka dan membuang masa membincangkan perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat tetapi penuhilah masa kita dengan aktiviti-aktiviti yang boleh memajukan diri, masyarakat dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Marilah kita, rakyat Malaysia dan umat Islam khususnya, berusaha meningkatkan lagi perpaduan dan muhibah. Sejarah telah membuktikan bagaimana kejayaan yang telah dicipta oleh Rasulullah s.a.w. menyatupadukan golongan Ansar dan Muhajirin. Ukhwah dan kasih sayang yang ditanam oleh baginda Rasulullah s.a.w. menjadikan golongan Ansar rela menerima Muhajirin yang datang mencurah-curah sebagai pelarian dengan hanya membawa bekalan makanan dan pakaian yang amat terhad. Fakta sejarah ini amat mencuit hati kita. Ukhwah yang dibina di atas asas kesatuan akidah ini telah menjayakan rancangan pembinaan sebuah negara Islam yang gemilang yang merupakan satu cacatan sejarah yang amat penting. Menyedari betapa pentingnya peranan ukhwah ini, maka semua lapisan masyarakat bertanggungjawab dan harus berperanan menjayakannya.

11. Kerajaan sekarang giat berusaha untuk membangunkan negara. Pembangunan yang dirancang dan dicita-citakan adalah pembangunan yang seimbang di antara pembangunan rohani dengan material. Kita tidak mahu sekiranya negara kita maju tetapi penduduknya tidak mempunyai nilai hidup yang tinggi dan hidup lepas bebas tanpa peradaban. Sebaliknya kita juga tidak mahu hanya nilai hidup dan peradaban yang tinggi tetapi negara dan rakyat mundur dan miskin sehingga menghinakan agama kita. Kita hendaklah mengimbangkan di antara kedua-dua aspek yang penting ini. Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana rakyat Malaysia tidak keterlaluan sehingga mencetuskan masalah yang tidak dikehendaki oleh agama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Induk dan semua pihak yang terlibat dengan

Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ini. Mudah-mudahan usaha ini akan memberi makna kepada masyarakat Islam untuk sama-sama berusaha ke arah penghayatan Islam. Dengan lafaz Bismillahi rahmanir rahim, alhamdulillah rabbil alamin, dengan rasminya saya menutup Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-32 ini.
Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.